

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9319

SOALAN:

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah anggota baru telah ditawarkan semasa pengambilan konstabel polis khas bagi kaum Cina. Adakah pengambilan khas ini akan diteruskan. Adakah siswazah yang telah direkrut sebagai konstabel akan dinaikkan pangkat ke jawatan inspektor secara automatik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada statistik seramai 563 orang telah ditawarkan bagi pengambilan khas kaum Cina pada tahun 2014 untuk jawatan Konstabel Gred YA1. Walau bagaimanapun Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih belum merancang bagi tujuan pengambilan khas yang baru.

Untuk makluman, bagi mana-mana calon yang dilantik ke jawatan Konstabel Gred YA1 dan mempunyai kelulusan ijazah atau yang setaraf dengannya (secara pengambilan khas atau biasa) tidak boleh dinaikkan pangkat ke jawatan Inspektor Gred YA13 secara automatik disebabkan skim pelantikan yang berbeza. Walau bagaimanapun bagi tujuan tersebut anggota yang telah cukup syarat perkhidmatan boleh memohon melalui permohonan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke jawatan Inspektor Gred YA13.